

Oleh Mohd Amin Omar
bhskor@bharian.com.my

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
BAHASA MELAYU
KERTAS 1
Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar rajah di bawah menunjukkan punca keracunan makanan dan kesannya kepada manusia. Justeru langkah-langkah yang berikut perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk mengelakkan kejadian keracunan makanan ini terus berlaku.

- Memastikan kebersihan diri penyedia makanan
- Memastikan kebersihan bahan-bahan untuk menyediakan makanan
- Memastikan makanan tidak terdedah kepada lalat, habuk dan pelbagai kekotoran lain.

Anda diminta menghuraikan langkah-langkah untuk mengatasi masalah keracunan makanan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan sahaja.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

- 1 Semua pelajar sekolah di negara ini wajib melibatkan diri dalam aktiviti pasukan badan beruniform di sekolah. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menggalakkan pelajar bergiat aktif dalam pasukan badan beruniform.

Tulis pendapat anda tentang pelbagai manfaat yang pelajar akan peroleh dengan melibatkan diri dalam kegiatan tersebut.

- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

Huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.

- 3 Perpaduan kaum sangat penting bagi menjamin kemakmuran dan kedamaian di sesebuah negara.

Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan perpaduan kaum di negara kita.

- 4 Negara kita pernah menjadi tuan rumah untuk mengelolakan Sukan Komanwel (Commonwealth) dan sukan-sukan lain

di peringkat Asean, dan seterusnya di peringkat antara-bangsa.

Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan mengelolakan sukan atau permainan di peringkat antara-bangsa, kepada sesebuah negara.

- 5 Anda berminat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan menulis cerpen bersempena dengan Minggu Bahasa dan Budaya anjuran Pejabat Pelajaran Daerah. Tema cerpen yang anda pilih ialah "kegigihan". Tulis cerpen anda selengkapnya.

BAHASA MELAYU - KERTAS 2

Soalan 1 - Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan pusat sumber sekolah dan sebab-sebab pusat sumber sekolah kurang dikunjungi. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sejak dahulu lagi sesebuah sekolah dianggap tidak lengkap jika tidak mempunyai satu perpustakaan. Perpustakaan itu pula dianggap sebagai gedung ilmu kepada warga sekolah. Hal ini bermakna, kalau sebelum ini perpustakaan merupakan tempat pengumpulan bahan bercetak, dan bilik alat merupakan tempat pengumpulan bahan-bahan serta alat bantu belajar dan mengajar, sekarang kedua-dua tempat ini diintegrasikan untuk menjadi pusat sumber sekolah.

Pusat sumber sekolah berfungsi sebagai pusat untuk menyediakan, menyimpan, mengedarkan di samping mengadakan perkhidmatan koleksi bahan. Sama ada bersaiz sekadar sebuah bilik darjah ataupun berdiri megah berbentuk bangunan sendiri, pusat sumber sekolah berpotensi besar dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan tahap intelektual warga sekolah, khususnya murid. Usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu yang menjadi satu daripada fokus tahunan pusat sumber sekolah. Pusat sumber sekolah dapat mengadakan kolaborasi dengan Panitia Bahasa Melayu dalam program peningkatan kecemerlangan akademik.

Pusat sumber sekolah juga merupakan tempat berlakunya segala kegiatan yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Konsep pusat sumber sekolah ini adalah berkaitan dengan konsep pendidikan moden, iaitu untuk mewujudkan keadaan belajar secara sendiri. Dengan yang demikian, setiap individu boleh menentukan kehendak belajarnya dan merancang sesuatu bagi memupuk keperluan dan kehendak yang tersendiri. Pusat sumber sekolah sememangnya dapat membantu dan memperbaiki kualiti pendidikan negara agar dapat memberikan asas yang kukuh bagi membentuk masyarakat berpengetahuan. Oleh itu, golongan pendidik sentiasa diingatkan supaya menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Pada masa yang sama, pusat sumber sekolah perlu dilengkapi dengan alat bahan, dan kemudahan. Pusat sumber yang lengkap dan menepati kehendak pelanggannya membolehkan proses capaian maklumat dilaksanakan dengan berkesan. Antaranya termasuk penyediaan keratan akhbar dan koleksi rencana daripada majalah. Selain itu, pusat sumber sekolah mampu menghasilkan bahan-bahan yang mudah dan murah, tetapi berkesan kepada pelanggannya. Jadi, pusat sumber sekolah disediakan bertujuan untuk memajukan sumber pelbagai media bagi kegunaan guru dan pelajar.

Tegasnya, peranan pusat sumber sekolah sangat luas. Kita dapat melahirkan pelajar yang berdedikasi, berfikiran matang, berdisiplin, dan dapat mengembangkan bakat, serta kebolehan mereka berdasarkan minat dan kecenderungan masing-masing. Hal ini demikian kerana mereka dapat memanfaatkan pusat sumber sekolah.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Pusat Sumber Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu' oleh Zuridah Hanim Md. Akhir, Pelita Bahasa, April 2011)

Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata gedung ilmu. [2 markah]
- (ii) Nyatakan kelebihan-kelebihan seseorang pelajar yang dapat memanfaatkan pusat sumber sekolah? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara-cara untuk meningkatkan minat pelajar menggunakan pusat sumber sekolah? [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

Ketika Wah masih remaja (tidak seperti remaja pada masa kini), Lebai Saleh pernah bertakhta di hati Wah. Tetapi mereka terpisah setelah Lebai Saleh mengaji di Mesir. Mereka berjumpa semula, tetapi waktu itu Lebai Saleh sudah beristeri dan beranak tiga. Manakala Wah sudah menjadi milik Firdaus Frank, anak buah Frank Swettenham. Wah wanita tabah. Sewaktu kandungannya masuk sembilan bulan tiga hari, suaminya meninggal dunia, iaitu sebelum Pa lahir. Wah memang cekal. Persis Siti Maryamah atau Siti Hajar?

Mikraj tersentak daripada lamunan yang melangit ketika Wah mengacaunya. Mikraj mengusik Wah, Wah memicit hidung Mikraj. Mikraj mengeyit mata, Wah memuncungkan mulutnya. Mikraj senyum, Wah ketawa tetapi ketawa Wah cuma tiga dekah. Kata Wah jika ketawa lebih-lebih gelap hati jadinya. Intim sungguh mereka berdua. Israk mengintai dari jendela. Perasaan cemburu tidak berputik sekelumit pun dalam dirinya.

"Siapa tu, Wah?" tuding Mikraj ke arah insan yang melintasi mereka.

"Man Bujal. Kawan kamu masa kamu berhingus dulu. Sekarang dia udah jadi doktor."

Mikraj menjadi hairan bin ajaib. "Doktor kurus melidi?" "Doktor kepada dirinya sendiri," jelas Wah sambil tersenyum lalu ternampaklah seribu kedutan pada durja rahsia Wah.

(Dipetik daripada 'Israk' oleh Erda Roslan Khairi dalam antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 1 Apakah reaksi Wah ketika Mikraj mengusiknya? [3 markah]
- 2 Pada pendapat anda, jelaskan cara-cara yang boleh dilakukan untuk membahagiakan warga emas. [3 markah]
- 3 Huraikan SATU nilai kemanusiaan yang terdapat petikan dan SATU nilai kemanusiaan yang terdapat dalam keseluruhan petikan. [3 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah seketika berperang maka rakyat Raja Bahrum Dewa pun pecahlah perangnya, banyak tertangkap. Ada yang lari masuk ke dalam kota kerana tiada tertahan lagi tangkap jin empat orang itu. Maka titah Raja Bahrum Dewa, "Sudahkah engkau tangkap? Apa mati laki-laki itu?" Maka sembah segala hulubalang yang lari itu, "Ya tuanku, tiadalah mati laki-laki itu. Maka hulubalang tuanku dua ratus yang lari, dua puluh orang

DARI MUKA 7

hulubalang yang tertangkap orang itu. Patik hairan melihat hal laki-laki itu. Maka patik dengar suaranya seorang juga maka segala rakyat beribu-ribu sekalian itu pun dilawannya juga."

Setelah baginda mendengar sembah segala hulubalang itu maka Raja Bahrum Dewa pun marah menyuruh memalu gendang mengumpulkan segala rakyat sekalian. Setelah sudah berkampung segala rakyat dan menteri hulubalang sekalian, maka titah Raja Bahrum Dewa, "Segeralah pergi tangkapkan beta laki-laki itu." Maka raja-raja dan menteri hulubalang pun berjalanlah ke luar kota pergi mengepung Raja Indera Bumaya itu.

Setelah datang ke mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi maka segala isi mahligai itu pun gemparlah. Sekaliannya datang memeluk kaki tuan puteri dan Raja Indera Bumaya seraya menangis katanya, "Wahai tuanku, apalah jadi kita ini kerana orang mengepung banyak pula datang!

(Dipetik daripada 'Hikayat Langlang Buana' dalam antologi Dirgahayu Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud menyuruh memalu? [2 markah]
- (ii) Apakah yang terjadi kepada hulubalang-hulubalang Raja Bahrum Dewa dalam peperangan itu? [3 markah]
- (iii) Jika anda Raja Indera Bumaya, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk mengelakkan peperangan daripada terus berlaku? [3 markah]

Soalan 2 (d)-Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

DI PERPUSTAKAAN

Melangkah ke ruangmu
Satu pertukaran yang kontras
Dari kehangatan merata
Ke kedinginan yang menerpa
Terlalu hening di sini
Gua pendeta bersemadi
Di puncak sepi
Di sana sini
Kepala-kepala runduk meneliti
Mata dan fikir bersebat

Maju ke ruang buku
Terlalu kerdil aku di sini
Terapung di lautan ilmu
Tercurah berzaman
Dalam tak terselam
Betapapun kulayari
Bahtera ilmu di sini
Tak terteroka
Yang akan kucatat
Hanya setitik dari tinta
Yang akan kupetik
Hanya sebiji dari mutiara

Engkau adalah pusaka moyang
Gedung peradaban insan
Tersimpan berzaman
Bersemadi di sini
Aku adalah pelayar yang dahaga
Di dada samudera
Tak berpantai
Betapapun kuteguk darinya
Dahaga tak pernah langcai

(oleh Shafie Abu Bakar,
Antologi Harga Remaja
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- i) Nyatakan maksud rangkai kata gedung peradaban insan. [2 markah]
- ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara yang boleh dilakukan untuk menggalakkan para pelajar pergi ke perpustakaan? [3 markah]
- iii) Huraikan beberapa pengajaran yang terdapat dalam sajak "Di Perpustakaan". [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

3 (a) Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambakan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa, dan nama khas.

- i) Budi bicara
ii) Cita rasa
iii) Daya usaha
iv) Hal ehwal
v) Inti pati
vi) Sedia kala

[6 markah]

3 (b) Kenal pasti jenis ayat-ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.

- (i) Bangunan menara jam itu merupakan bangunan yang tertinggi di dunia.
(ii) Semua calon peperiksaan hendaklah menunjukkan kad pengenalan mereka kepada ketua pengawas peperiksaan.
(iii) Sejak bilakah awak mula berjinak-jinak dengan dunia perniagaan?
(iv) Sila nyalakan lampu kenderaan anda ketika memandu di dalam terowong itu, sebagai langkah keselamatan.
(v) Amboi, merdunya suara awak ketika mendengarkan lagu itu tadi!
(vi) Perpustakaan awam di kampung kami dibuka mulai jam 8.00 pagi dan akan ditutup pada jam 5.00 petang.

[6 markah]

3 (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kemajuan yang dicapai oleh sektor pertanian di negara ini membolehkan lebih ramai petani memperoleh pendapatan yang lumayan
(ii) Operasi Selamat yang dilaksana oleh pihak kerajaan pada sepanjang musim perayaan mulai tahun ini adalah bagi memastikan pengguna-pengguna jalanraya lebih berhati-hati ketika memandu kenderaan masing-masing
(iii) Orang ramai dinasihati agar tidak melakukan pembakaran terbuka bagi mengelakan masalah pencemaran udara dan memburukkan masalah jerubu yang sedang melanda negara ini.

[6 markah]

3 (d) Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata

atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Hubungan kehidupan di antara manusia dengan sungai ibarat aur dengan tebing. Sesuatu yang agak sukar untuk diceraikan. Manusia amat berharap kepada sungai dan sebaliknya sungai berharap kepada usaha manusia untuk menjaganya daripada tercemar, dikotori mahupun hakisan. Namun peristiwa itu berubah sama sekali, sejak akhir ini. Perhatian manusia kepada aspek kebersihan sungai semakin tergendala. Manusia semakin mengabaikan kebajikan sungai. Lihat sahajalah fenomena yang berlaku di kebanyakan sungai-sungai di negara ini. Kejadian alam itu semakin tercemar.

[6 markah]

3 (e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut.

- i) Zahira merupakan seorang pelajar yang pendiam dan tidak banyak bercakap. Dia kerap menghabiskan masa lapangnya di perpustakaan untuk mengulang kaji pelajarannya. Zahira juga merupakan pelajar yang amat di segani oleh rakan-rakan kerana dia bukan sahaja bijak dalam bidang akademik malah dia juga aktif dalam bidang penulisan.
ii) Selepas beberapa tahun merantau di negara asing, Kumaresan mengambil keputusan untuk kembali ke tanah airnya. Baginya walaupun keadaan di luar negara begitu aman dan makmur, namun dia lebih selesa berada di negaranya sendiri.
iii) Semua penduduk yang tinggal di kawasan perumahan tersebut sudah lama mengamalkan prinsip bantu membantu dan tolong menolong antara satu sama lain. Mereka juga sangat menghormati jiran tetangga bagi memastikan keadaan keharmonian dan kedamaian suasana kehidupan bermasyarakat.

[6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusuf
(ii) Renyah karya Gunawan Mahmood
(iii) Afza Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
(iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
(vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
(vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
(viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Pengarang sesebuah novel perlu mengetengahkan pelbagai latar seperti latar tempat, latar masa dan latar masyarakat untuk menjadikan jalan ceritanya lebih menarik. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan latar masyarakat dalam novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT